# KENYATAAN MEDIA
## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Untuk Siaran Segera**

**LHDNM/2021/05/28 – 69**

**PENGGUNAAN STAMP ASSESSMENT AND PAYMENT SYSTEM (STAMPS) UNTUK TAKSIRAN DAN BAYARAN DUTI SETEM MULAI 1 JULAI 2021 BAGI MENGGANTIKAN SISTEM FRANGKI DIGITAL 2.0 (DFS 2.0)**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa mulai 1 Julai 2021, semua urusan taksiran dan bayaran duti setem akan menggunakan Stamp Assessment And Payment System (STAMPS) bagi menggantikan Sistem Frangki Digital 2.0 (DFS 2.0). Ini bermakna DFS 2.0 di semua Pejabat Setem Cawangan (PSC), Pejabat Satelit, Pusat Khidmat Hasil (PKH) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) akan hanya boleh digunakan sehingga 30 Jun 2021.

a) Bagi kategori ejen, permohonan penyeteman perlu dibuat secara dalam talian melalui STAMPS seperti berikut:

| Kategori | Pengguna | Jenis Penyeteman |
|---|---|---|
| Ejen | i. Firma Guaman<br>ii. Bank<br>iii. Syarikat Insurans<br>iv. Lain-lain;<br>• Syarikat<br>• Perkongsian<br>• Perniagaan Milikan Tunggal<br>• Jabatan / Agensi Kerajaan / Badan Berkanun | i. Pindah Milik Harta Tanah<br>ii. Pindah Milik Saham<br>iii. Pindah Milik Perniagaan<br>iv. Sekuriti<br>v. Sewa / Pajakan<br>vi. Penyeteman Am |

Bayaran boleh dibuat secara dalam talian atau di kaunter duti setem setelah notis taksiran dikeluarkan.

b) Bagi kategori selain ejen, permohonan penyeteman dan bayaran dibuat di kaunter duti setem seperti berikut:

| Kategori | Pengguna | Jenis Penyeteman | Keterangan |
|---|---|---|---|
| Selain Ejen | Individu | i. Pindah Milik Harta Tanah<br>ii. Pindah Milik Saham<br>iii. Pindah Milik Perniagaan | Individu hadir terus ke kaunter untuk urusan penyeteman. |
| | | iv. Sekuriti<br>v. Sewa / Pajakan<br>vi. Penyeteman Am | Pengisian maklumat perjanjian perlu dibuat melalui STAMPS sebelum hadir ke kaunter. |

Untuk makluman, pendaftaran ID Pengguna STAMPS boleh dibuat secara dalam talian melalui pautan pantas https://stamps.hasil.gov.my.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);

b) HASiL Live Chat; dan

c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**Dikeluarkan Oleh:**
**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 🖷 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

**Tarikh: 28 Mei 2021**